



## Kehadiran Tesla pulih keyakinan pelabur ke Malaysia

Di sebalik kerancangan 'perang politik dalam negara' susulan Pilihan Raya Negeri (PRN) bakal diadakan bulan depan, Malaysia menerima khabar gembira apabila Tesla Inc bersetuju menjadikan negara ini sebagai pusat penting pengeluaran kereta elektrik (EV) di rantau ini.

Khabar itu dikongsikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyatakan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla, Elon Musk menzahirkan persetujuan menubuhkan ibu pejabat Tesla di Cyberjaya, pada pertemuan mereka secara maya, semalam.

Perdana Menteri menyifatkan kesediaan Musk itu sebagai 'hal meyakinkan kepada pemacuan ekonomi negara. Kemasukan Tesla ke Malaysia, akan memacu ekosistem EV negara'.

Apa yang pasti, pertemuan Anwar dengan Musk amat penting kepada ekonomi Malaysia, terutama untuk menggalakkan pelaburan asing kerana ia menjadi petunjuk kepada pelabur lain bahawa negara ini masih memiliki tarikan untuk menjadi destinasi pelaburan strategik jangka pendek dan panjang.

Lebih penting lagi, kesediaan Musk untuk melebarkan sayapnya ke Malaysia, terutama dalam bidang EV ini bakal merancakkan lagi industri EV negara, selain berpotensi menjadi hab EV serantau walaupun terpaksa bersaing dengan negara jiran khususnya Indonesia, Thailand dan Vietnam.

Komitmen terbaharu kerajaan ini, khususnya Anwar sekali gus bakal merancakkan lagi pertumbuhan industri EV di Malaysia, di samping mengembangkan terus potensi serta kesan rantaian ekonomi negara, terutama dalam aspek pembukaan perniagaan peruncitan produk berkaitan.

Ia termasuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan pada semua peringkat sama ada mahir, separuh mahir dan profesional pada masa depan apabila industri EV ini terus berkembang dengan dipacu menerusi kolaborasi antara Tesla dan Malaysia.

Seiring dengan perkembangan terbaharu ini juga, sudah pasti kerajaan perlu menilai semula insentif digariskan sebelum ini bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri EV dan yang seangkatan dengannya supaya dapat menarik lebih banyak pelabur untuk melabur ke negara ini.

Dalam hal ini, Malaysia perlu menawarkan insentif lebih kompetitif supaya dapat bersaing dengan negara jiran memandangkan negara terbabit memiliki beberapa kelebihan seperti sumber mineral diperlukan untuk memacu industri EV tanpa mengorbankan subsidi tertentu.

Di samping itu, Malaysia perlu meningkatkan kapasitinya dalam bidang jalur lebar susulan dua lagi syarikat milik hartawan berkenaan iaitu syarikat aeroangkasa, SpaceX dan Stalink turut berkenan menjadikart Malaysia sebagai hab syarikat berkenaan.

Namun, apa yang lebih penting di sebalik kesediaan Musk melabur dan bertapak di negara ini, juga Malaysia perlu bersedia untuk menghasilkan inovasi sebagaimana dibangunkan syarikat gergasi luar negara kerana ia akan membentuk masa depan dunia.